



# Bertemu selepas 44 tahun berpisah

**S**eramai 59 bekas pelajar dari Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) yang juga dikenali dengan nama English College (EC) iaitu sebuah sekolah menengah di Johor Bahru kembali bertemu setelah berpisah meninggalkan alam persekolahan sesi 1968-1972.

Pertemuan semula alumni selepas 44 tahun ini amat bermakna terutamanya masing-masing sedang meniti usia emas.

Penyelaras program, Laksamana Pertama (B) Datuk Ir Ahmad Murad Omar, 61, berkata, kali terakhir mereka bertemu selepas tamat persekolahan dan terputus hubungan kerana masing-masing membawa haluan sendiri.

"Sejak itu kami sukar bertemu dan berkumpul beramai-ramai. Kadangkala hanya bertemu pada

majlis perkahwinan anak masing-masing, namun jumlah itu masih kecil.

"Namun, setelah 44 tahun, kami terfikir dan merancang bertemu dan mengumpulkan semua, sementara masih berpeluang. Hasilnya, seramai 59 orang berjaya dihimpunkan pada hari ini," katanya sempena pertemuan julung kali yang diadakan di ibu negara ini.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pertemuan semula itu amat bermakna dan pastinya dapat mengimbuai kenangan sepanjang persekolahan dahulu.

"Hubungan kami ketika sekolah memang akrab. Justeru, kami tak mahu hubungan rapat

terputus begitu sahaja. Apatah lagi setelah masing-masing dalam usia bersara," katanya.

Beliau tidak menafikan kecanggihan teknologi terutamanya kemudahan media sosial dan aplikasi WhatsApp banyak membantu mengumpulkan rakan-rakan.

Lebih bermakna, pertemuan ini membangkitkan rasa semangat tatkala bertemu rakan-rakan yang kurang sihat selain mendoakan kesihatan mereka serta mengeratkan jalinan hubungan.

Pertemuan ini dimuatkan dengan montaj tayangan nostalgia gambar-gambar pada zaman persekolahan, perkongsian cerita dan simpanan koleksi peribadi seperti lencana dan tali leher sekolah serta kenangan-kenangan lain.